

KERAJAAN NEGERI HARGAI SUMBANGAN WARGA PENULIS DAN MEDIA

Meriah, namun berdebar-debar, itulah yang melanda hati setiap peserta Anugerah Sastera dan Media Negeri Sembilan 2015 yang telah berlangsung pada 11 November 2015 bertempat di Klana Resort, Seremban.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada YAB Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan, Menteri Besar Negeri Sembilan kerana Kerajaan Negeri Sembilan telah mengadakan kembali Anugerah Sastera Negeri Sembilan.

Anugerah Sastera Negeri Sembilan sebelum ini telah dilaksanakan pada tahun 2004, 2005 dan 2007. Kali ini dengan konsep dua dalam satu iaitu menggabungkan Anugerah Sastera menggabungkan Anugerah Sastera dan Anugerah Media di pentas yang sama.

Anugerah Sastera Negeri Sembilan meliputi Anugerah Sastera Negeri Sembilan, Anugerah Seni Negeri Sembilan, Anugerah Kepimpinan Budaya Negeri Sembilan, Anugerah Khas Penggiat Bahasa dan Sastera, Anugerah Penulis Harapan Negeri Sembilan dan Anugerah Penulis Negeri Sembilan Kategori Buku dan Eceran.

Manakala Anugerah Media Negeri Sembilan pula meliputi Anugerah Tokoh Wartawan Negeri Sembilan, Anugerah Kewartawanan Sri Sembilan, Anugerah Kewartawanan Cemerlang (Empat Bahasa), Anugerah Kewartawanan TV Cemerlang, Anugerah Kewartawanan Rencana Cemerlang, Anugerah Kewartawanan Jurukamera Cemerlang dan Anugerah Kewartawanan Jurufoto Cemerlang.

YAB Menteri Besar Negeri Sembilan sangat berpuas hati dengan penganjuran yang telah diuruskan dengan baik oleh Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan selaku urus setia Majlis Anugerah Sastera dan Media Negeri Sembilan 2015 dengan dibantu oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Jabatan Penerangan Negeri Sembilan, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Sembilan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Lembaga Muzium Negeri Sembilan, Perbadanan Kemajuan Kraftangan Cawangan Negeri Sembilan dan Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Sembilan.

Tahniah kepada semua pemenang yang telah mengharumkan nama Negeri Sembilan.

(Info lanjut di muka 9 dan 10)



**PENGUMUMAN
BERMULA 1 JANUARI 2015***



KEAHLIAN PERPUSTAKAAN
ADALAH

PERCUMA !!

REBUTLAH PELUANG INI UNTUK MENDAFTARKAN DIRI DAN AHLI KELUARGA
SEBAGAI AHLI PERPUSTAKAAN
DI SEMUA 85 PUSAT PERKHIDMATAN KAMI DI SELURUH NEGERI SEMBILAN

*Tarikh berakhir akan diumumkan kemudian

DAFTARLAH SEBAGAI AHLI



**“BANGSA MEMBACA
1 MALAYSIA BERJAYA”**


TEMUI KAMI DI :



Perbadanan Perpustakaan
Awam, Negeri Sembilan

www.nslibrary.gov.my
Diterbitkan setiap bulan oleh :
Perbadanan Perpustakaan Awam,
Negeri Sembilan


BUKU TERKINI DI PPANS




Judul : Ahmad Ammar Engkau MilikNya
Pengarang : Bonda Nor,
No. Panggilan : 922.97595 BON
Bahagian : Pinjaman(Dewasa)
Harga : 17.00
Penerbit : Galeri Ilmu
M/S : 320ms




Judul : Oh mudahnyah jahit skirt & palaza
Pengarang : Rozilawati Abdullah
No. Panggilan : 646.437 ROZ
Bahagian : Pinjaman(Dewasa)
Harga : 20.00
Penerbit : Alaf 21
M/S : 163ms



Judul : Fiqh Medic
Pengarang : Fauwaz Fadzil Noor,
No. Panggilan : 610.8829714 FAU
Bahagian : Pinjaman(Dewasa)
Harga : 18.00
Penerbit : Telaga Biru
M/S : 142ms



Judul : Tuan Anas Mikael
Pengarang : Syamnuriezmil
No. Panggilan : MF SYA
Bahagian : Pinjaman (Dewasa)
Harga : 25.00
Penerbit : Penulisan 2U
M/S : 564ms



Judul : Selera masakan kampung
Pengarang : عثمان رحيم,
No. Panggilan : 641.59595 OTH
Bahagian : Pinjaman (Dewasa)
Harga : 22.00
Penerbit : Alaf 21,
M/S : 176ms

BAHAN INI TELAH DIGITASIKAN

SIDANG PENGARANG BULETIN

PENAUNG

Y.B. Dato Haji Mat Ali bin Hassan Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan Merangkap Pengerusi Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan Darul Khusus

PENASIHAT

Jamilah @ Chumila binti Haji Katis Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan Darul Khusus

KETUA PENGARANG

Norasykin binti Yusof Ketua Unit Perhubungan Awam, PPANS

SIDANG PENGARANG

Norhayati binti Ismail
 Siti Juhaida binti Husin
 Amar Affizi bin Aziz
 Ketua-Ketua Bahagian
 Ketua-Ketua Unit
 Ketua-Ketua Zon

PENYELARAS DAN PENGEDARAN

Salwati binti Mohd Salleh
 Unit Perhubungan Awam, PPANS

REKA BENTUK

Nine Over Ten Dot Biz

JURUFOTO

Unit Media PPANS

PENERBITAN

Unit Perhubungan Awam
 Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan Darul Khusus
 Tel : 06-763 5989/06-762 1308
 Faks : 06-763 5944
 E-Mel : proppans2014@gmail.com
 Laman Sesawang: www.nslibrary.gov.my

Sidang Pengarang Buletin PPANS amat mengalu-alukan pandangan, cadangan dan komentar terhadap buletin ini. Pandangan dan cadangan dalam menambah baik buletin amat dihargai.

ULASAN BUKU

Judul : Fiqh Medic
Pengarang : Fauwaz Fadzil Noor,
No. Panggilan : 610.8829714 FAU
Bahagian : Pinjaman(Dewasa)
Harga : 18.00
Penerbit : Telaga Biru
M/S : 142ms

Sinopsis:

Selari dengan perkembangan teknologi yang telah menemukan pelbagai kaedah dan metod perubatannya, penulis cuba menampilkan kebersamaan fiqh dalam setiap permasalahan yang diutarakan. Bertunjangan dalil dan hujah daripada al-Quran, hadis serta koleksi fatwa daripada para ulama dan badan fatwa, ia dengan sendirinya meningkatkan lagi kualiti buku ini. Penulis juga mendatangkan kesimpulan dan pandangan yang amat baik setelah membentangkan setiap permasalahan dengan penuh tertib dan tersusun, selain cuba meraikan setiap permasalahan berdasarkan konteks atau situasi yang biasanya berlaku dalam masyarakat di Malaysia. Buku ini juga dilengkapi dengan fakta yang kemas, padat, ringkas dan sangat memadai untuk memberi kefahaman kepada orang awam. Buku yang diterbitkan oleh Telaga Biru ini boleh didapati di Zon Dewasa (Pinjaman) Perpustakaan Negeri, Cawangan dan Desa.

GLOSARI ADAT

Adat Solo Menyolo

Adat ini berlaku dalam tempoh masa pemberian dan penerimaan cincin tanya dan hari menghantar dan menerima cincin tanda atau pertunangan. Dalam tempoh tersebut kedua-dua pihak lelaki dan perempuan melalui monti memberitahu satu sama lain perkembangan persediaan di kedua-dua belah pihak.

Epok

Sumpit atau kampil kecil yang dibuat daripada daun mengkuang. Ada epok yang berlapis atau ditekat. Kebanyakannya berlapis dengan kain dan ada juga yang disalut dengan benang emas.

Gadai

Menyerahkan barang sebagai cagar, selalunya untuk mendapatkan wang.


Irik

Perbuatan menanggalkan padi yang telah dituai dari tangkainya dengan dipijak-pijak dan dikisar-kisar dengan kaki.

Jalan nan pasa

Ketentuan atau cara yang berdasarkan kebiasaan atau kelaziman atau konvensi atau janji yang mengikat.

BERITA GRUP SAYANGI PERPUSTAKAAN



Program Sayangi Perpustakaan sentiasa mendapat sambutan yang menggalakkan dari pihak sekolah, guru-guru dan pelajar. GSP akhir tahun 2015 di SMK Senaling pada 3 November 2015, Kuala Pilah, SK Ampangan pada 16 November 2015 dan Sekolah Menengah Agama Sains Selaru, Kuala Pilah pada 17 November 2015.

Terima kasih di ucapkan kepada semua yang terlibat dan memberikan kerjasama sepanjang tahun 2015.




INFO TAHUKAH ANDA?

KENAPA HURUF KEYBOARD KOMPUTER TIDAK TERSUSUN?

Tahukah Anda? Kenapa agaknya huruf-huruf keyboard pada komputer tidak disusun secara teratur?


1. Sistem susunan ini dipanggil QWERTY dan dicipta oleh Christopher Scholes. Pada mulanya, susunan huruf ni macam ABCD tapi bila disusun macam ni, orang akan menaip dengan terlalu pantas sampai jem kan mesin taip dia. Jadi, Scholes pun invent sistem QWERTY ni.
2. Sebenarnya sistem QWERTY ini dicipta supaya orang menaip dengan lebih perlahan, bukan untuk mempercepatkan, pelik kan? Tapi, sistem ini dapat mengelakkan berlakunya kekejangan tangan dan kita jadi lebih relaks bila menaip.
3. Sistem ini menyusun huruf-huruf yang selalu digunakan untuk menaip perkataan dalam English. Contohnya, huruf A diletakkan di hujung belah kiri. Ini kerana kita selalu gunakan huruf A ni, jadi kita boleh tekan dengan jari hujung kita tanpa gangguan dan ibu jari kita ditugaskan untuk menekan space bar.

4. Tapi anda perasan tak, huruf-huruf ni dah disusun di tempat-tempat yang jari kita senang nak capai? Huruf yang selalu kita guna memang dah terletak atas jari kita, huruf yang jarang guna pulak berada di hujung. Kalau anda selalu menaip in English, mesti anda perasan.



PROGRAM CUTI SEKOLAH DI PERPUSTAKAAN 'JOM KITA MELUANGKAN MASA DI PERPUSTAKAAN'

Pertandingan Membuat Sinopsis Buku dan penyertaan terdiri daripada Murid Sk.Gemas iaitu seramai 53 Orang. Tahniah kepada semua pemenang dan terima kasih kepada Cikgu Shikin, murid dan guru lain yang terlibat.




BERKREATIF

Aktiviti Galangguna Perpustakaan
Nama Aktiviti: Hand Bouquet
Tempat: Pra Sek, SK (F) Bukit Jalor
Nama Guru: Cikgu Fazli



JOM SIHAT

Pemakanan yang seimbang adalah penting dan perlu bagi pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak. Ajari anak-anak mengenai makanan berkhasiat dgn menjadikan aktiviti ini sebagai platform bagi mereka untuk kekal sihat.



LOREKKAN KREATIF

Aktiviti Lorekan Kraf Kreatif sempena cuti sekolah yg diadakan di Perpustakaan Desa Terusan Seberang pada 3 Disember 2015.



PERTANDINGAN MENAIP PANTAS

Bengkel Celik IT dan Pertandingan Menaip Pantas telah diadakan di Perpustakaan Desa Pasir Panjang. Terima kasih kepada tenaga pengajar yang diimport khas daripada Kem PLKN PDS Resort Pasir Panjang. Semoga kerjasama seumpama ini akan berterusan pada masa akan datang. Tahniah kepada pemenang.



ANYAMAN DARI SURAT KHABAR

Alhamdulillah selesai sudah Program Kreativiti Gubahan daripada Surat Khabar dijadikan Dulang bersama Komuniti Setempat yang telah berlangsung pada 10 Disember 2015 di Perpustakaan Pekan Bahau.



LAWATAN SAMBIL BERLAJAR

19 November 2015 Perpustakaan Awam Cawangan Jelebu telah menerima lawatan dari murid-murid tahun enam Sekolah Kebangsaan Jenis (C) Chun Yin, Titi seramai 15 orang murid dan 4 orang guru pengiring disamping itu pihak perpustakaan juga turut mempromosikan keahlian percuma.



JOM KE PERPUSTAKAAN

Kreativiti Seni Kraf Ahli Remaja Sempena Cuti Persekolahan di Perpustakaan Pekan Bahau pada 26 November 2015
Aktiviti galak guna perpustakaan bagi bulan November 2015 'FUN PAINTING' berlangsung pada 11 November 2015. Aktiviti yang menyeronokkan peserta, hilang stress sebentar pada kertas lukisan selepas habis peperiksaan akhir tahun...



MASA BERKREATIF DENGAN KAK ZU

Perpustakaan Awam Cawangan Port Dickson telah mengadakan aktiviti Kreativiti dari bahan Terbuang iaitu Kraf daripada Sudu Plastik pada 14 November 2015 (Sabtu). Seramai 14 orang pelajar Sekolah Menengah Tahap 2 iaitu pelajar tingkatan lima telah menyertai aktiviti ini, menghasilkan bentuk yang sangat kreatif.



JEJAK MAKLUMAT PERPUSTAKAAN

Pada 23 November 2015 Perpustakaan Awam Cawangan Gemas telah mengadakan satu pertandingan treasure hunt bersama ahli perpustakaan. Aktiviti ini mendapat sambutan dari ahli perpustakaan.



BIJAK MENGIRA

Pertandingan Bijak Sifir Tahap 1 Sekolah Rendah Sempena Cuti Persekolahan di Perpustakaan Desa Felda Serting Hilir Kompleks Jempol pada 26 November 2015.



RAKAMAN TEMUBUAL BERSAMA YANG BERBAHAGIA DATO' HJ. KHALID BIN YUNUS

Alhamdulillah selesai Program Sejarah Lisan Unit Koleksi N.Sembilan PPANS Rakaman Temubual Bersama Yang Berbahagia Dato' Hj. Khalid bin Yunus Mantan Timbalan Menteri Penerangan dan Ahli Parlimen Jempol (28 November 2015 - 4.30pm)



PROGRAM SEHARI BERSAMA KANAK-KANAK PUSAT JAGAAN BUDIMAS ORION, TAMAN TASIK JAYA

9 Disember 2015 merupakan hari yang bertuah kerana PPANS dapat meluangkan masa bersama-sama 37 orang kanak-kanak Pusat Jagaan Kebajikan Budimas Orion, Taman Tasik Seremban.

Semua kanak-kanak memberikan kerjasama dalam program Jejak Maklumat yang dilaksanakan. Majlis penyampaian hadiah telah disampaikan oleh YBhg. Pn. Jamilah binti Haji Katis, Pengarah PPANS di Restoran Omar Station, Seremban 2. Terima kasih juga kepada Datuk Zainal Abidin bin Haji Mohamed, pemilik Restoran Omar Station yang telah menaja makan tengah hari dan sumbangan wang tunai kepada anak-anak yatim.



KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) PERINGKAT NEGERI SEMBILAN 2015

Konvensyen Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (KIK) Peringkat Negeri Sembilan 2015, bertempat di Dewan Theatre, Wisma Negeri Seremban, program yang diadakan selama tiga hari ini bermula 6 Oktober sehingga 8 Oktober 2015.

Konvensyen KIK diadakan bertujuan memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada jabatan-jabatan yang membuktikan kemampuannya untuk menghasilkan penyelesaian masalah kerja dan inovasi sistem kerja, selain tu juga Konvensyen KIK ini dapat menyelaraskan strategi pembangunan ekonomi Negara dalam melahirkan staf yang berpengetahuan, berkemahiran dan berdaya saing.

Kumpulan X-tra Ordinary Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (PPANS) juga turut menyertai Konvensyen KIK. PPANS telah menyertai dalam kategori teknikal iaitu X-MOBILE.

Majlis perasmian penutup Konvensyen Kumpulan Inovatif Dan Kreatif telah disempurnakan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Dato' Haji Mat Ali Bin Hassan.

Hadir sama, Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan, Puan Jamilah binti Haji Katis.





PANEL PENILAI ANUGERAH SASTERA

Sekitar Sesi Penilaian Anugerah Sastera dan Media Negeri Sembilan 2015



MESYUARAT JAWATANKUASA INDUK ANUGERAH SASTERA DAN MEDIA NEGERI SEMBILAN 2015




PENGHARGAAN DARI KERAJAAN NEGERI SEMBILAN UNTUK ANAK NEGERI SEMBILAN

Majlis Anugerah Sastera dan Media Negeri Sembilan 2015. Tahniah kepada semua pemenang. Penghargaan dari Kerajaan Negeri Sembilan untuk penulis dan pengamal media Negeri Sembilan.

Tanggal 11 November 2015 merupakan satu lagi sejarah terukir di Negeri Sembilan. Malam itu tokoh-tokoh besar dalam bidang penulisan dan media telah berada di Klna Resort, Seremban bagi menerima anugerah masing-masing.

- Anugerah Sastera Negeri Sembilan dimenangi oleh Puan Hajah Mahaya binti Mohd Yassin.
- Anugerah Seni Negeri Sembilan dimenangi oleh Encik Mohd Yusof bin Ismail
- Anugerah Khas Penggiat Bahasa dan Sastera Negeri Sembilan dimenangi oleh Dr. Rosnah bin Baharudin.
- Anugerah Kepimpinan Budaya Negeri Sembilan dimenangi oleh Prof. Dato' Dr./ Kamaruddin bin Kachar



Manakala Anugerah Media Negeri Sembilan pula para pemenangnya ialah:

- Tokoh Wartawan Negeri Sembilan dimenangi oleh Y.Bhg. Dato' Haji Mohd Khalid bin Yunus
- Anugerah Kewartawanan Sri Sembilan dimenangi oleh Encik Mohammad Iwan bin Tun Tuah daripada akhbar Berita Harian



PEMIMPIN BERSAMA RAKYAT

PROGRAM KOMUNITI PLUS 'KEMBALI KE SEKOLAH 2016'

YAB. Dato' Seri Utama Haji Mohamad Bin Haji Hasan menyerahkan kelengkapan sekolah sumbangan PLUS kepada 1,000 pelajar sekolah rendah dan menengah bagi DUN Rantau sempena Program Komuniti PLUS 'Kembali ke Sekolah 2016' di Rantau Eco Park pada 3 Disember 2015.



FESTIVAL FOLKLORE ANTARABANGSA NEGERI SEMBILAN

Pada 5 Disember 2015, YAB. Dato' Seri Utama Haji Mohamad Bin Haji Hasan menyaksikan persembahan kebudayaan dari negeri-negeri dalam negara dan juga sembilan buah negara (Indonesia, Thailand, Bangladesh, Philipina, Russia, Somalia, Yemen, Nigeria dan Kazakhstan) di Festival Folklore Antarabangsa Negeri Sembilan di dataran Majlis Perbandaran Seremban (MPS).



MAJLIS MENANDATANGANI KONTRAK KETUA JURULATIH LIGA PREMIER NEGERI SEMBILAN

Pada 23 November 2015 yang lalu YAB. Dato' Seri Utama Haji Mohamad Bin Haji Hasan telah menandatangani Kontrak Ketua Jurulatih Liga Premier Negeri Sembilan, Piala Presiden dan Piala Belia, Encik Gary Michael Phillips.



MAJLIS RUMAH TERBUKA DEEPAVALI 2015 PERINGKAT NEGERI SEMBILAN


YAB. Dato' Seri Utama Haji Mohamad Bin Haji Hasan telah hadir di Majlis Rumah Terbuka Deepavali 2015 Peringkat Negeri Sembilan pada 25 November 2015 di Perkarangan Dewan Majlis Perbandaran Seremban.



PEMIMPIN BERSAMA RAKYAT



MAJLIS KHATAM AL-QURAN SEKOLAH AGAMA RAKYAT DAN j-QAF NEGERI SEMBILAN

Rembau – 5 November 2015 - YAB. Dato' Seri Utama Haji Mohamad Bin Haji Hasan merasmikan Majlis Khatam Al-Quran 1,000 murid Tahun 6 dari Kelas Agama Petang, Sekolah Agama Rakyat dan j-QAF Negeri Sembilan bertempat di Masjid Jamek An-Nur, Rembau.



PERTUNJUKAN TATTOO PERDANA ANJURAN TENTERA DARAT

Port Dickson, 7 November 2015 - YAB. Dato' Seri Utama Haji Mohamad Bin Haji Hasan menyaksikan pertunjukan Tattoo Perdana anjuran Tentera Darat Malaysia di Padang Kawad Pusat Latihan Asas Tentera Darat di Port Dickson.



MAJLIS PELANCARAN BUKU ADAT "THE LEGACY OF MINANGKABAU"

Kompleks JKKK, N.Sembilan 9 November 2015 - YAB. Dato' Seri Utama Haji Mohamad Bin Haji Hasan menyempurnakan Majlis Pelancaran Buku Adat "The Legacy Of Minangkabau" karya Dato' Seri Utama Tan Sri Dr Rais Yatim, di Kompleks Jabatan Kebudayaan dan Kesenian ,N.Sembilan.



KUNJUNGAN HORMAT PENGARAH PENDIDIKAN NEGERI SEMBILAN

Wisma Negeri, Seremban 11 November 2015 - Kunjungan Hormat Pengarah Pendidikan Negeri Sembilan, YBhg. Dato' Hajah Kalsom Binti Khalid yang akan bersara. Terima kasih atas segala khidmat bakti dan pengorbanan yang telah di berikan selama berkhidmat di Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan.

